



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 OKTOBER 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FLFAM JUMPA MENTERI HARI INI, LOKAL, HM-1	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	FLFAM, KPKM BINCANG HARI INI, NASIONAL,SH-6	
3.	PEMERIKSAAN BERKALA, PERATURAN LEBIH KERAS ELAK SOROK BERAS, NASIONAL, BH-4	
4.	FLFAM JUMPA MOHAMAD BINCANG HARGA TELUR, AYAM, NASIONAL, BH-4	
5.	HARGA LANTAI BAHARU PADI SESUAI MUSIM HADAPAN, NEGARA, KOSMO-6	
6.	PENANTIAN PESAWAH BERAKHIR, DALAM NEGERI, UM-10	
7.	INSPECT MILLS REGULARLY TO PREVENT RICE-HOARDING, NEWS, NST-6	
8.	PEMERIKSAAN BERKALA, PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ELAK SOROK BERAS-PENGANALISIS, AWANI.COM-ONLINE	
9.	FLFAM TO MEET UP WITH MINISTER TO DISCUSS THE FLOATING RATE FOR CHICKEN MEAT AND EGG, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A2	
10.	MAT SABU : WE SHALL UTILIZE FERTILE LAND FOR SELF SUFFICIENCY ON RICE PRODUCTION, NEWS, GUANG MING DAILY-A5	
11.	CHAN : MARKET FREE TO MOVE WITH LIFTING OF PRICE CONTROLS, NATION, THE STAR-2	
12.	ADAKAH HARGA AYAM, TELUR AKAN NAIK? NEGARA, KOSMO-4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13.	PERTANIAN TANPA CANGKUL GALAK MASYARAKAT TANAM SAYUR, NEGARA, KOSMO-16	LAIN-LAIN
14.	BAUNG EKOR MERAH JEJAS HIDUPAN SUNGAI, NEGARA, KOSMO-16	
15.	EGG AND CHICKEN PRICES MAY GO UP, NATION, THE STAR-2	
16.	EXPECT SHORT-TERM VOLATILITY AFTER REMOVAL OF PRICE CAP, NATION, THE STAR-3	
17.	POOR HARVEST AND SMUGGLING LEAD TO SHORTAGES, NATION, CHINA PRESS-A3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2023	HARIAN METRO	LOCAL	16

BINCANG HARGA AYAM, TELUR

FLEFAM jumpa Menteri hari ini

Oleh Amir Abd Hamid
 amir_hamid@mediapri-
 ma.com.my

Kuala Lumpur

Persekutuan Persatuan-Persatuan Pen- ternak Malaysia (FL- FAM) akan bertemu Men- teri Pertanian dan Keter- jaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu di Putrajaya hari ini bagi membincangkan harga ayam dan telur.

Penasihat FLEFAM, Datuk Jeffrey Ng berkata, pette- muan itu untuk mende- ngar secara terperinci dan berunding mengenai ke- putusan kerajaan menim- bangkan harga ayam dan telur di pasaran diapung- kan berdasar harga lebih rendah daripada harga apungan pasaran.

Beliau berkata, pihak FL- FAM belum mendapat ke-

pastian mengenai penen- tuan harga kerana meka- nisme kerajaan itu belum dijelaskan lagi.

“Bagaimanapun, pihak persatuan sokong keputu- san kerajaan (yang di- umum dalam Belanjawan 2024). Cuma bagaimana nak uruskan kelak, kita te- ngok macam mana.

“Sekarang kita pun tak tahu apa yang kerajaan umum harga siling diber- hentikan. Bila penguatkua- saan harga apungan kita tak tahu lagi.

“Jadi kena tunggu waktu kita bermesyuarat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Maka- nan esok (hari ini) di Pu- trajaya,” katanya.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024 Jumaat lalu, Perdana Menteri Da- tuk Seri Anwar Ibrahim di- laporkan berkata, kerajaan menimbangkan harga ayam dan telur di pasaran diapungkan berdasar har- ga lebih rendah daripada harga apungan pasaran.

“Ini diumumkan dalam

sedikit masa oleh KPKM selepas berunding dengan pengeluar dan memasti- kan tiada kenaikan harga tidak munasabah oleh sya- rikat serta peniaga.

“Harga pasaran semasa kini di bawah harga siling kawalan. Maka dengan itu, kawalan harga sementara- yang ditetapkan dilepas- kan supaya pasaran tem- patan boleh berfungsi se- mula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran,” kata Anwar.

16/10/2023

HARIAN
METRO

LOCAL

16

FLFAM, KPKM bincang hari ini

Babitkan hala tuju harga bekalan ayam dan telur di pasaran

Oleh **MUKHRIZ MAT HUSIN**
SHAH ALAM

Penentuan dan hala tuju harga bekalan ayam serta telur di pasaran dibincangkan pada Isnin, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffery Ng Choon Ngee berkata, pertemuan bersama Kementerian Pertanian dan Ketahanan Makanan (KPKM) itu adalah sebagai usaha meringankan beban para pen-ternak.

Beliau berkata, perbincangan itu juga diharapkan menjamin bekalan telur dan ayam dalam pasaran.

"Esok (Isnin) kita akan bincang dengan KPKM. Kita nak tengok apa hala tuju kerajaan dan apa yang kita dapat bantu.

"Kalau (pihak kami) ada masalah pun, jika kerajaan boleh bantu ia dapat meringankan sedikit beban supaya kita dapat menjamin bekalan telur dan ayam dalam pasaran.

"Kami menyokong keputusan kerajaan untuk mengapungkan harga telur dan ayam.

"Cuma kalau tanya harga (yang ditetapkan itu) sampai (tahap) mana, kita tidak tahu sebab ia tertakluk kepada permintaan

bekalan," katanya ketika dihubungi kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada Jumaat, kerajaan menerusi pembentukan Belanjawan 2024 mengumumkan untuk menyeimbangkan dan mengapungkan harga ayam serta telur lebih rendah daripada harga apungan sedia ada.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, trend semasa menunjukkan bekalan ayam dan telur mula stabil selain harga pasaran semasa berada di bawah harga siling kawalan.

Dalam pada itu, ujar Jeffery,



JEFFERY

memandangkan bekalan telur dan ayam dalam pasaran masih lagi mencukupi, harga yang ditetapkan sepatutnya tidak berubah terlalu ketara.

Katanya, sehingga kini harga kawalan untuk telur dan ayam masih berkuat kuasa sehingga pengumuman daripada kerajaan dibuat.

"Sekarang ini untuk telur gred C adalah 35 sen sebiji, gred B (37 sen), dan gred A (39 sen).

"Bagi ayam pula, kerajaan tetapkan RM16 sekilogram. Itu pun lebih dari setahun sebab sejak Februari, 2022 hingga sekarang, masih pakai harga itu.

"Harga jualan di pasaran ialah RM9.40 untuk ayam standard. Kalau harga Sabah dan Sarawak, harganya berlainan," jelasnya.



Keratan akhbar *Sinar Harian* pada Sabtu.

'Pemeriksaan berkala, peraturan lebih keras elak sorok beras'

Penganalisis minta agensi penguatkuasaan lain turut serta buat pemantauan

Kuala Lumpur: Kegiatan menyorok bekalan beras seperti dibongkar di Kedah sebelum ini dipercayai tidak hanya membabitkan sebuah kilang, sebaliknya ada kemungkinan turut dilakukan kilang di tempat lain.

Justeru, penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim, mengesahkan pemeriksaan menyeluruh secara berkala terhadap kilang beras di seluruh negara serta penguatkuasaan undang-undang lebih tegas perlu dilaksanakan bagi mengelak sebarang kegiatan menyorok stok bekalan

itu sehingga menyebabkan kekurangan bekalan di pasaran.

"Penguatkuasaan bukan hanya terletak pada pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPPB) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan semata-mata, malah agensi penguatkuasaan lain perlu turut serta melakukan pemantauan dan penguatkuasaan kerana kegiatan menyorok beras boleh dianggap suatu perbuatan khianat terhadap rakyat.

"Tindakan undang-undang ketat seperti hukuman penjara (denda yang lebih berat) termasuk dikenakan memandangkan isu ini sensitif membabitkan keterjaminan makanan rakyat," katanya.

Beliau berkata, tindakan tegas seperti penggantungan lesen terhadap pengilang beras juga boleh dikenakan sekiranya mereka melanggar undang-undang ditetapkan.

Khamis lalu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan

Makanan, Chan Roong Hin ketika sesi rundingan mengenai isu beras putih tempatan (BPT) di Kamar Khas Dewan Rakyat membuatkan, Operasi BPT (Op BPT) tidak hanya terhad kepada pemeriksaan kilang dan pemborong beras di Kedah, sebaliknya akan turut diperluaskan ke negeri lain mengikut sasaran.

Isa susulan kes sebuah kilang beras di Kedah disita selepas disyaki menyorok BPT berjumlah 180 tan yang dianggarkan bernilai RM405,000.

Foong Hin juga memaklumkan, empat kes kesatahan berkaitan aktiviti menyorok dan manipulasi BPT dikesan hasil pemeriksaan tiga hari dijalankan anggota Op BPT ke atas 28 kilang padi dan 18 pemborong di Kedah.

Ia membabitkan dua kes di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), manakala dua lagi di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972.

Struahanjaya Pencegahan Ra-

suah Malaysia (SPRM) turut membongkar ketirisan pengedaran beras dengan menyerbu lima kilang di Kedah pada 11 dan 12 Oktober lalu.

Tungsu harga siling naik

Sementara itu, Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR), Prof Madya Azmi Hassan, berkata antara faktor dipercayai mendorong pihak tidak bertanggungjawab menyorok beras adalah sebagai strategi menunggu harga siling beras tempatan dinaikkan.

"Seperti yang berlaku ketika harga telur dan ayam (naik) sebelum ini adalah kerana penguatkuasaan bekalan, jika berlaku pengurangan bekalan beras tempatan, tetapi permintaannya begitu tinggi, maka kerajaan terpaksa menaikkan harga siling beras tempatan itu (dan menunggu pihak yang menjual beras kerana harga sudah naik),

BERNAMA

Tindakan

undang-undang ketat seperti hukuman

penjara, (denda yang lebih berat), termasuk dikenakan sebatan boleh dilaksanakan memandangkan isu ini sensitif babitkan keterjaminan makanan rakyat



Shahul Hamid Abdul Rahim, Penganalisis Jenayah

FLFAM jumpa Mohamad bincang harga telur, ayam

Kuala Lumpur: Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) akan bertemu dengan Menteri Pertanian dan Keamanan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di Putrajaya hari ini bagi membincangkan harga ayam dan telur.

Penasihat FLFAM, Datuk Jeffrey Ng, berkata pertemuan itu adalah untuk mendengar secara terperinci dan berunding mengenai keputusan kerajaan meminibangkan supaya harga ayam dan telur di pasaran diapungkan ber-

dasar harga lebih rendah daripada harga apungan pasaran.

Beliau berkata, pihak FLFAM belum mendapat kepastian mengenai penentuan harga kerana mekanisme kerajaan itu belum dijelaskan lagi.

"Apa pun pihak persatuan sokong keputusan kerajaan (yang diumumkan dalam Belanjawan 2024). Cuma bagaimana nak uruskan kelak, kita tengok macam mana.

"Sekarang kita pun tak tahu apa yang kerajaan umum harga

siling akan diberhenti. Penguatkuasaan harga apungan bila kita tak tahu lagi. Jadi kena tunggulah waktu kita bermesyuarat dengan Kementerian Pertanian dan Keamanan Makanan (KPKM) esok pagi (hari ini) di Putrajaya," katanya ketika dihubungi.

Dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata, kerajaan akan menimbangkan harga ayam dan telur di pasaran diapungkan berdasar harga yang lebih rendah daripada harga apungan pasaran.

"Ini akan diumumkan dalam sedikit masa oleh KPKM selepas berunding dengan pengeluar dan memastikan tidak ada kenaikan harga yang tidak munasabah oleh syarikat dan peniaga.

"Harga pasaran semasa kini berada di bawah harga siling

Mengulas lanjut, Jeffrey berkata, sekiranya tiada lagi kawalan harga sementara itu kebiasaannya harga akan ditentukan pasaran itu.

"Kita tak dapat tahu harga macam mana sebab kalau tak ada harga kawalan lagi, ia memang kena ikut pasaran. Kalau pasaran naik memang naiklah (harga), jika pasaran turun memang turunlah (harga). Sekiranya bekalan cukup, memang harga tidak naik terlalu mendadak.

"Kita pun memang tak mahu jual terlalu tinggi. Kalau jual terlalu tinggi pun nanti akan menjelaskan permintaan, sekali-gus tidak bagus dalam kitaran ekonomi. Untuk saya, kita (persatuannya) cuma berharap dapat harga yang berpatutan (dalam rundingan dengan KPKM)," katanya.



kawalan. Maka dengan itu, kawalan harga sementara yang ditetapkan akan dilepaskan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran," kata Anwar merangkap Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, ketika ini kerajaan menanggung RM3.8 billion untuk subsidi telur dan ayam, yang berlangsung berterusan dan tidak hanya pada musim perayaan sahaja.



Ibadat & Fadilat

Jarir Abdullah RA meriwayatkan Rasullullah SAW bersabda: "Sesiapa tidak mengosihhi muslimia, Allah juga tidak kush kepadanya." (HR Bukhari dan Muslim)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:56	1:07	4:25	7:05	8:15
Alor Setar	5:56	1:06	4:24	7:05	8:14
P. Pinang	5:56	1:07	4:24	7:05	8:15
Ipoh	5:53	1:04	4:21	7:04	8:13
Kuala Lumpur	5:50	1:02	4:18	7:02	8:11
Shah Alam	5:50	1:02	4:18	7:02	8:11
Johor Bahru	5:40	12:53	4:07	6:54	8:04
Kuantan	5:44	12:56	4:11	6:56	8:06
Seremban	5:48	1:00	4:16	7:01	8:11
Bandar Melaka	5:47	12:59	4:14	7:00	8:10
Kota Bharu	5:49	12:59	4:17	6:58	8:04
K. Terengganu	5:44	12:55	4:12	6:54	8:04
Kota Kinabalu	4:54	12:05	3:22	6:04	7:14
Kuching	5:15	12:28	3:43	6:29	7:39

Harga lantai baharu padi sesuai untuk musim hadapan

ALOR SETAR – Pengumuman kenaikan harga lantai belian padi daripada RM1,200 ke RM1,300 satu tan disambut baik oleh pesawah, namun rata-rata mereka mengharapkan harga itu diguna pakai pada musim hadapan.

Selain itu, ada pesawah juga merasakan harga belian RM1,300 masih rendah tetapi boleh diterima.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan ketika pembentangan Belanjawan 2024 Malaysia Madani harga lantai belian padi RM1,300.

Pengerusi Pertubuhan Pengerusi Pesawah Malaysia (Pesawah), Mohd. Fuad Yacob berkata, golongan itu tetap mengharapkan agar kerajaan dapat membuat ketetapan supaya pengilang membeli padi pada harga RM1,700 untuk keseluruhan musim ini.

Katanya, langkah itu bagi memberi keadilan kepada semua pesawah setelah ada antara mereka yang melakukan penjualan awal pada musim ini.



GAMBAR fail seorang pesawah mencabut padi rosak atau dikenali padi angin di Sawah Sempadan, Tanjong Karang, Selangor.

"Sebelum ini kita meminta supaya harga belian lantai padi ditetapkan pada RM1,500 tetapi apabila kerajaan menetapkan RM1,300, kami akur dan berterima kasih.

"Tetapi kalau boleh, kami minta jasa baik kerajaan untuk umumkan penelantaran supaya harga belian padi musim

ini, kekal pada kadar RM1,700 seperti pada awal musim menuai dulu. Harga belian lantai RM1,300 ini, kita boleh laksanakan pada musim depan," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Tambahnya, kemelut yang berlaku kini timbul berikutan wujudnya 'flip-flop' harga lantai.

16/10/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

10

Penantian pesawah berakhir

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Kenaikan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per metrik sekurang-kurangnya membantu pesawah menambah pendapatan masing-masing.

Dengan kenaikan itu, mereka mampu memperoleh pendapatan RM1,800 bagi hasil satu tan metrik selepas ditambah subsidi RM500.

Lazimnya hasil per hektar pesawah di negeri ini sekitar empat ke lima tan metrik dengan mereka mampu menjana pendapatan sekitar RM7,200 selepas ditolak kos RM1,800 bagi keluasan tanaman satu hektar.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, keputusan kerajaan meningkatkan harga lantai belian padi itu amat dinanti-nantikan pesawah setelah hampir 10 tahun harga lantai tidak dikaji.

Katanya, kenaikan tersebut secara tidak langsung memberi sedikit ruang kepada pesawah 'bernafas' selepas terkesan kenaikan harga input pertanian.

"Selepas ditolak kos mesin padi, benih, traktor dan beberapa kos lain, pesawah masih mampu meraih keuntungan dengan kenaikan harga belian padi ini. Terima kasih kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri



SEORANG pesawah, Zulkifli Abu Seman (kiri) bersama rakan-rakannya menonton Belanjawan 2024 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui telefon pintar sementara menunggu jentera mesin padi mengumpul hasil sawah mereka di Kampung Jejawi Dalam, Arau, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Anwar Ibrahim yang mendengar keluhan pesawah.

"Kos mesin padi sebelum ini sudah hampir RM500, kos traktor sekitar RM600 dan benih padi pula antara RM300 ketika harga masih RM35. Campur-campur semua termasuk kos-kos lain sudah mencecah hampir RM1,800 bagi tanaman berkeluasan satu hektar.

"Menerusi kenaikan harga belian padi ini, sekurang-kurangnya

pesawah mampu meraih lebih pendapatan," katanya.

Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat memberitahu, kerajaan meningkatkan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per metrik bagi meningkatkan pendapatan pesawah.

Sementara itu Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, langkah kerajaan menaik taraf in-

frastruktur pengairan di kawasan MADA Perlis dan Kedah dengan pelaburan bernilai RM3 bilion sangat memberi kelegaan kepada pesawah.

Katanya, hal demikian kerana masalah infrastruktur khususnya melibatkan saliran antara isu yang sering menghantui para pesawah selama ini sekaligus merencatkan usaha mereka untuk meningkatkan hasil tanaman padi.

16/10/2023

NEWS

6

STRAITS
TIMES

LAW ENFORCEMENT

'Inspect mills regularly to prevent rice-hoarding'

KUALA LUMPUR: Regular inspections of rice mills, as well as stricter law enforcement, should be implemented to avoid rice-hoarding, which had led to a shortage of supply in the market.



Shahul Hamid Abdul Rahim

Crime analyst Shahul Hamid Abdul Rahim said enforcement was not only the responsibility of the padri...

and Rice Regulatory Authority of the Agriculture and Food Security Ministry, but other enforcement agencies also needed to carry out monitoring and enforcement because rice-hoarding could be considered an act of treason.

As rice is the staple food of Malaysians, hoarding it for personal benefit was un-



Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin inspecting a rice mill in Alor Star, Kedah, during Op Beras Puth Tempatan recently. PIC BY NOORAZURA ABDUL RAHMAN

lawful, he said. "In addition, legal action such as imprisonment, heavier fines and whipping can be meted out on offenders as this involves food security," he said.

He said strict measures, such as suspending the licences of rice manufacturers, could be imposed if they broke the law. "Like what happened when the price of eggs and chicken (increased) previously, (it) is due to supply shortage. He the OP BPT task force had inspected eight rice wholesalers and six manufacturers in Kedah to check for rice hoarding, package tampering and mixing of local white rice with imported ones. Bernama

that authorities had confiscated 180 tonnes of local white rice hidden in a rice mill in Kedah, worth an estimated RM405,000, during Op Beras Puth Tempatan (Op BPT).

Deputy Agriculture and Food Security Minister Chan Foong Hin said an inspection of the factory found five per cent of Local Super Special grade rice or local white rice (BPT) concealed in a storage site in jumbo containers.

He the OP BPT task force had inspected eight rice wholesalers and six manufacturers in Kedah to check for rice hoarding, package tampering and mixing of local white rice with imported ones. Bernama

	SUBUH (am)	SYUKRIK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGRIB	ISYAK
Melaka	5:47	6:55	12:59	4:14	7:00	8:10
Penang	5:56	7:03	1:07	4:24	7:05	8:15
K. Lumpur	5:50	6:57	1:02	4:18	7:02	8:11
Johor Baru	5:40	6:49	12:53	4:07	6:54	8:04
Kuantan	5:44	6:53	12:56	4:11	6:56	8:06
Ipoh	5:53	6:59	1:04	4:21	7:04	8:13

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2023	AWANI.COM	ONLINE	

PEMERIKSAAN BERKALA, PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ELAK SOROK BERAS – PENGANALISIS



KUALA LUMPUR: Pemeriksaan menyeluruh secara berkala terhadap kilang beras di seluruh negara serta penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas harus dilaksanakan pihak berkuasa bagi mengelak sebarang kegiatan "sorok beras" yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan itu dalam pasaran tempatan.

Penganalisis jenayah Shahul Hamid Abdul Rahim berkata penguatkuasaan bukan hanya terletak pada pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan semata-mata, malah agensi penguatkuasaan lain juga perlu turut serta dalam melakukan pemantauan dan penguatkuasaan kerana kegiatan menyorok beras boleh dianggap suatu perbuatan khianat terhadap rakyat.

Beliau berkata hal ini kerana beras merupakan makanan ruji rakyat Malaysia dan perbuatan menyorok beras demi kepentingan diri adalah sesuatu yang tidak wajar.

"Selain itu, tindakan undang-undang yang ketat seperti hukuman penjara, (denda yang lebih berat) termasuk dikenakan sebatan boleh dilaksanakan memandangkan isu ini sensitif melibatkan keterjaminan makanan rakyat," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata tindakan tegas seperti penggantungan lesen terhadap pengilang beras juga boleh dikenakan jikalau mereka melanggar undang-undang yang ditetapkan.

Dalam pada itu, Shahul Hamid berkata jika ada laporan terdapat kilang yang menyorok beras, maka dipercayai bukan hanya satu kilang yang melakukannya, malah ada kemungkinan terdapat kilang beras di tempat lain yang disyaki turut berbuat demikian.

"(Selasa lepas) baru satu kilang (di Kedah) didapati sorok beras. Mungkin, (di tempat lain) ada lagi kilang yang bertindak sedemikian rupa (bagi menunggu waktu sesuai untuk keluarkan beras dan menjualnya dengan harga tinggi)," katanya.

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR) Prof Madya Azmi Hassan berkata antara faktor yang dipercayai menyebabkan terdapat pihak tidak bertanggungjawab menyorok beras ialah sebagai strategi menunggu harga siling beras tempatan dinaikkan.

"... seperti yang berlaku ketika harga telur dan ayam (naik) sebelum ini adalah kerana pengurangan bekalan. Jika berlaku pengurangan bekalan beras tempatan tetapi permintaannya begitu tinggi, maka kerajaan terpaksa menaikkan harga siling beras tempatan itu (dan menguntungkan pihak yang menjual beras kerana harga telah naik)," katanya.

Selasa lepas, Bernama melaporkan menerusi Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT) yang dijalankan, sebuah kilang beras di Kedah disita selepas disyaki menyorok beras putih tempatan berjumlah 180 tan metrik dianggarkan bernilai RM405,000.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin dilaporkan berkata pemeriksaan terhadap kilang itu mendapati beras dengan gred Super Spesial Tempatan 5% (SST5) atau beras putih tempatan (BPT) di dalam kampil jumbo berjumlah 180 tan metrik, disorok di gudang yang tidak dinyatakan dalam lesen.

Chan berkata kes itu sedang disiasat di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996.

Setakat ini, Chan berkata pasukan petugas OP BPT telah melakukan pemeriksaan terhadap lapan pemborong dan enam pengilang beras di Kedah, bagi mengesan sebarang kegiatan menyorok beras, menukar kampil dan mencampurkan beras putih tempatan dengan beras putih import.

-- BERNAMA

Headline	FLFAM to meet up with minister to discuss the floating rate for chicken meat and egg		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	16 Oct 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,950
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,849



黄俊仪

禽总今晤农长商鸡与蛋价浮动

(吉隆坡 15 日讯) 马来西亚禽畜业联合总会明早将与农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布会面，商讨肉鸡与鸡蛋浮动价格详情，希望可以得到合理价位。

该会顾问拿督黄俊仪告诉《大都会日报》，这次会议将详细听取

并讨论临时价格管制解除后，肉鸡及鸡蛋浮动价格的提议。

“我们还不确定如何定价，因为政府尚未解释机制。无论如何，我们支持在 2024 年财政预算案宣布的决定，并关注后续发展。”

他说，现在还不知政府何时会

宣布停止顶价及执行浮动价格，然而若政府不再进行价格管制，通常价格将由市场决定，随市场涨跌调整。

“只要供应充足，价格不会涨太多。我们也不想卖得太高，因为会影响需求，对经济周期不利。”

Headline	Mat Sabu : We shall utilize fertile land for self sufficiency on rice production		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	16 Oct 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A5	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,773
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,318



末沙布：吸取進口白米飆價教訓 善用肥沃土地自給自足

(文德甲15日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布表示，进口白米价格飙升课题对我国来说是个教训，我国必须努力改善问题，以便不久后的大马可拥有足够的白米供应应付人民的需求，甚至供出口。

“马来西亚虽有肥沃的土地，但以前我们购买进口白米更便宜、更好，不需要种稻。现在，因为气候的变化，印度禁止出口白米，导致出现供应紧张及进口白米价格飙升，继而造成本地白米成了人民的首选。

“拥有肥沃的土地及国家经济的稳定性，我相信以这个优势，如果我们专注去做，未来可拥有充足白米供出口。”

他昨晚为由淡属农企福利社、文德甲新村及柏冷谷新村村委会联办的“耀映一世，龙狮呈祥庆中秋”

■末沙布(中)为“耀映一世，龙狮呈祥庆中秋”中秋庆典主持开幕仪式后，与众嘉宾合影。左起为林国财、陈冠复、颜璋虔、倪兴镗、黎天发、李政贤，右起为陈文祥、玛丽娜、莫哈末艾祖丁、赛夫和胡智云。



中秋庆典主持开幕仪式，致词时如此表示。

他也以彭亨州土地为例，彭亨州拥有宽阔的土地发展农业，如今彭亨文冬、劳勿和其他地区已成为出口榴槤至中国的主要州属。

他也说，全国上下从政府、部长至人民必须通力合作，以确保主要粮食如白米和肉类供应充足。

在场嘉宾尚有全国新村发展委员会主席兼太平区国会议员黄家和、全国新村发展委员会秘书陈文祥、

文德甲区州议员胡智云、彭亨州议会副议长李政贤、淡属新村发展官林国财、文德甲新村村长陈冠复、柏冷谷新村村长颜璋虔、筹委会主席倪兴镗、文德甲工余俱乐部永久名誉会长拿督黎天发、联增新村村长梁进武、淡马鲁联邦农业销售局(FAMA)官员赛夫、淡马鲁县属官员莫哈末艾祖丁、淡马鲁警区防范罪案及社区安全组主任玛丽娜副警监和各乡镇代表等。(BPK)

Chan: Market free to move with lifting of price controls

KUALA LUMPUR: The government's proposal to lift the temporary price controls on chicken and eggs is to allow the market to move freely, ensuring an uninterrupted supply of these two commodities.

Deputy Agriculture and Food Security (KPKM) Minister Chan Foong Hin said that as supply had stabilised and retail prices are now below the set ceiling prices, price control is no longer relevant.

"It is important to know that poultry and egg production in Malaysia has long since reached

a level of self-sufficiency, but there were some disruptions in the supply chain at the end of last year.

"Through several steps of government intervention, the chicken and egg farming sector is now back to normal," he said in a statement yesterday.

The announcement (on the lifting of temporary price controls) by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim when tabling Budget 2024 last Friday came two years after the price controls on chicken and eggs

were implemented.

Chan said that since February 2022, the government had borne RM3.8bil subsidies just for eggs and chicken.

He said the agricultural sector is commercial in nature and needs to be continuously developed and function according to market forces.

He is confident that with the lifting of the temporary price controls, the chicken and egg farming sector will grow and develop by not only supplying a healthy and sufficient source of protein to the

country but also to overseas markets.

"KPKM will also continue to engage with industry players, especially the Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia, to discuss soft-landing steps before chicken and egg prices are floated.

"More details on this will be announced later," he said.

He also said the allocation of subsidies, especially in the agro-food sector, really needs to be rationalised so that, apart from allowing farmers, padi farmers,

breeders and fishermen to benefit from the potential development of the commercial agricultural economy, the allocation could also be channelled efficiently to the target groups.

"The highest appreciation goes to the Prime Minister, who is also the Finance Minister. Budget 2024 proves the unity government's determination to strengthen the local food ecosystem and, in turn, improve market relations for producers such as farmers, breeders and fishermen," he added.

Selepas kerajaan menguatkuasakan pelepasan harga siling kelak

Adakah harga ayam, telur akan naik?

Oleh: LUOMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

IPOH – Harga ayam dijangka naik sehingga 30 peratus apabila kerajaan menguatkuasakan pelepasan harga siling bagi ayam dan telur kelak.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Perak, Nor Azhar Mohamed berkata, harga ayam kini dijual sekitar RM9.40 sekilogram dan kenalkannya antara RM3 hingga RM4 boleh berlaku selepas pelepasan harga siling itu dikuatkuasakan kerajaan.

"Harga di pasaran ditentukan oleh pihak yang menjual ayam tersebut iaitu golongan peniaga. Bahkan apa yang dibimbangkan ialah tindakan karrel dalam menentukan harga).

"Di pihak penternak pula, mereka yang terikat dengan kontrak dengan pihak seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) hanya menjual ayam pada harga RM6 seekor," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, para penternak berhadapan dengan isu lain seperti kos pengeluaran ladang yang merangkumi pelbagai perkara seperti elektrik, air dan bahan api untuk kenderaan.

Selain itu, Nor Azhar berkata, kos sumber manusia juga ditanggung sepenuhnya oleh peladang kerana rata-rata mereka hanya



AYAM standard dan telur merupakan asas penting kepada isi rumah di negara ini.
HASRAN

dibekalkan dengan dedak serta anak ayam untuk dibesarkan FAMA.

"Itu tidak termasuk dengan ayam yang mati di ladang sewaktu ia sedang dibesarkan. Pelanggan hanya diperolehi apabila kami menjual ternakan itu apabila ia matang kelak," katanya.

Sementara itu, Penasihat Persekutuan Persatuan Penternak-Penternak Malaysia (FAMA), Datuk Jeffrey Ng berkata,

pihaknya menjangkakan harga ayam di ladang akan dinaikkan selari dengan permintaan dalam pasaran.

Bagaimanapun, beliau me-

negaskan, ia hanya akan dinaikkan pada kadar berpatutan kerana kenaikan permintaan terhadap permintaan berkenaan.

"Apabila harga ayam di ladang dinaikkan, ia secara tidak langsung memberi impak kepada pengurusan kerana harga ayam

yang dijual di pasaran kelak akan ditingkatkan golongan peniaga.

"Jadi, sebarang kenaikan harga ayam di ladang tidak akan dilakukan secara keterlaluan kerana kesannya turut dirasai oleh penternak sekiranya permintaan terhadap ternakan itu berkurangan ekoran masalah harga," katanya.

Justeru, beliau berharap pihak berkuasa seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dapat mencari jalan terbaik bagi melicinkan urusan tersebut.

Mengulas lanjut, seorang wakil pembekal telur di sini dikenali sebagai Lee berkata, harga telur dijangka meningkat sehingga 30 peratus selepas pelepasan harga siling dikuatkuasakan.

"Buat masa ini, sebiji telur dijual sekitar 41 sen. Selepas pelepasan harga siling itu, dijangkakan harganya akan meningkat sehingga 51 sen sebiji.

"Jadi, jika telur di pasaran dijual RM7 bagi 10 biji, mungkin harganya akan ditingkatkan sehingga RM10. Bagi 30 biji telur, mungkin harganya akan meningkat sehingga RM16 daripada RM13 sekarang, bergantung kepada grednya," katanya.

Ujarnya, tindakan menaikkan harga itu berkemungkinan dilakukan oleh pembekal telur ayam kerana mahu meningkatkan keuntungan diperolehi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2023	KOSMO	NEGARA	16

Bercucuk tanam tanpa perlu pergi ke ladang atau kebun

Pertanian Tanpa Cangkul galak masyarakat tanam sayur

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan kaedah Pertanian Tanpa Cangkul (PTC) bagi menggalakkan orang ramai bercucuk tanam tanpa perlu ke kebun atau ladang.

Pegawai Penyelaras PTC UPM, Syahmi ALSadiqin Mohamed Bakri, 27, berkata, program tersebut bagi memberikan peluang kepada orang ramai untuk menanam tanaman yang sesuai menggunakan kaedah itu.

Katanya, projek ini menawarkan peralatan seperti tong, biji benih serta memberikan peluang kepada komuniti setempat untuk melaksanakan dengan kemudahan di kawasan sekeliling rumah dan sebagainya.

"Tanaman yang sesuai ialah seperti kangkung, selasih manis, bayam, bendi, bayam brazil, sawi cina, bawang putih dan cili padi yang juga boleh dijadikan sumber ekonomi komuniti.

"Cara ini juga dapat menjamin kualiti sayuran yang dihasilkan dengan penggunaan racun yang terkawal sekali gus memastikan keselamatan makanan oleh pengguna," katanya ketika ditemui pada program Semarak Siswa Madani @ Pontian di Stadium Mini Pontian, di sini.



SYAHMI ALSADIQIN menunjukkan kaedah PTC yang menggunakan tong yang telah diubah suai pada program Semarak Siswa Madani di Stadium Mini Pontian, Pontian semalam.

Program tersebut dianjurkan oleh Kelab Belia Madani Pontian, UPM, Persatuan Kebajikan Mahasiswa UPM Negeri Johor dan Persatuan Bola Sepak Daerah.

Antara pengisian program

selama dua hari ialah pertandingan bola sepak komuniti bawah umur, jelajah PTC dan pertandingan mewarna kanak-kanak prasekolah.

Syahmi ALSadiqin yang juga

penyelaras program Semarak Siswa Madani menambah, PTC ini diperkenalkan oleh pelajar-pelajar bagi membantu mengurangkan penggantungan kepada makanan import.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2023	KOSMO	NEGARA	16



NORAIKYAH (kanan) menyifatkan spesies ikan baung ekor merah sebagai satu ancaman kepada habitat asal sungai di negara ini.

Baung ekor merah jejas hidupan sungai

SHAH ALAM – Orang ramai diminta tidak melepaskan spesies ikan asing terutama baung ekor merah di dalam perairan umum yang boleh membahayakan ekosistem sedia ada.

Pengarah Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, pihaknya gusar melihat peningkatan populasi ikan seumpama itu yang disifatkan isu dan cabaran yang perlu dihadapi ketika ini.

Jelas beliau, baung ekor merah itu bersifat agresif, invasif dan bersaiz lebih besar daripada ikan tempatan sekali gus menggantikan habitat di dalam sungai.

“Ikan asing itu bersifat pemangsa dan makan apa saja ikan tempatan termasuk lampam sungai dan terbuai.

“Ia juga mampu bertahan pada keadaan air tercemar dan mudah membiak sehingga jadi punca spesies ikan tidak agresif

akan pupus,” katanya semalam.

Kelmarin, sebanyak 10,000 benih ikan baung dilepaskan di Ibu Empangan Sungai Bernam, Hulu Selangor menerusi program Pemuliharaan Sungai Bersama Komuniti Nelayan myKP Sungai Karang.

Program pelepasan benih ikan ke perairan umum itu bertujuan memulihara dan menjamin kelestarian sumber perikanan darat selain menjadi pemangkin industri perikanan rekreasi.

Tambah Noraisyah, pihaknya sejak 2018 sudah melepaskan sebanyak 1.3 juta benih ikan asli di perairan Selangor bagi memulihara sumber air.

“Sebanyak 55 peratus daripada jumlah itu melibatkan pelepasan benih udang galah.

“Manakala, selebihnya pula spesies lampam sungai, baung, terbuai, jelawat, kelah, tengas dan patin,” ujar beliau.

Egg and chicken prices may go up

Consumers expected to pay more at first until prices level out

By MARTIN CARVALHO
and ALLISON LAI
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Regular Grade A, B and C eggs may cost 10sen more, and chicken prices hover at about RM9 per kilo when the ceiling price for the items is lifted.

The prices of the two items will fluctuate over the next several months depending on supply, with consumers likely to pay more initially before prices stabilise.

Datuk Ameer Ali Mydin, who runs one of the largest chains of hypermarkets in the country, said that although the move would help stabilise the supply of chicken and regular eggs in the market, there would be fluctuations in their prices.

"I foresee that the prices of regular Grade A, B and C eggs will go up by about 10sen per egg from 45sen to about 55sen."

"It can't go higher than the cost of Omega eggs, which are currently sold between 60sen and 65sen," he said when contacted yesterday.

He added that the impact on the availability of regular eggs in the market would not be felt immediately following the lifting of the ceiling price.

"It's not as though we can turn the supply of eggs on and off, as their availability will also depend on the laying cycles of 40 to 42 days."

"It will take a month or two for eggs to become more easily available," he added.

As for chicken prices, Ameer said they would remain within the current prices even after the ceiling price is lifted.

"At the moment, the ceiling price for chicken is RM9.40 per kilo, but it is being sold at about RM8.40."

"I don't foresee chicken prices going up too high even without price control because the price of chicken internationally has dropped."

"Even if chicken prices go up, it should be around RM9.40," he said.

Ameer said the government must spell out the price-lifting details, including ensuring that suppliers do not resort to tactics that could drive up prices.

"If they (suppliers) are naughty, we can always import chicken, as their current prices are about the same," he said.

He added that there is also the Price Control Anti-Profitteering Act, which could be used against unscrupulous parties.

"It can't go higher than the cost of Omega eggs, which are currently sold between 60sen and 65sen."

Datuk Ameer Ali Mydin

On Friday, Prime Minister and Finance Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, when announcing Budget 2024, said the temporary ceiling price imposed on chicken and eggs will be lifted to allow market forces to ensure supply.

He said the current retail price is far below the controlled ceiling price, adding that the Agriculture and Food Security Ministry will announce further details.

Since February 2022, the government has forked out RM13.8bil for chicken and egg subsidies.

Consumers Association of Penang (CAP) education officer NV Subbarow said the government should reconsider lifting the ceiling prices of chicken and regular eggs as they are concerned that the move will push up prices, which are essential staples for the common folk, particularly families in the B40 group.



Open market: A shopkeeper arranging eggs for sale at a wholesale shop in Kuala Lumpur. Consumers are likely to pay slightly more for chicken and eggs once the ceiling prices and subsidies are removed on July 1. — AZHAR MAHFUF/The Star

"Those selling chicken and regular eggs will now become the boss because they can fix the prices."

"The government should reconsider the move as chicken and eggs are staple items widely consumed by Malaysians, particularly those in the B40," he said when contacted yesterday.

He added that there are worries that the supply of these items could be deliberately suppressed by suppliers to drive their prices up in the absence of a controlled ceiling price.

"This is the usual tactic and culture used during festive seasons to earn extra profits," he added.

Subbarow said a hike in chicken and egg prices would have a cascading effect on related food items.

"The cost of related food items such as satay, chicken rice and fried chicken rice may eventually go up," he said.

The Federation of Malaysian Consumers Associations chief executive officer Dr Saravanan Thambirajah said removing the price ceiling is timely because there is an oversupply of chicken now.

"While some places might see a slight increase of 1% to 2% in prices, it may be cheaper in some places."

"It depends on where and what the demand is," he said, adding that this gives room for healthy competition.

He said consumers would eventually benefit, as all markets and shopping places would resort to pricing to attract shoppers.

"Usually, chicken prices will become the pulling factor. Consumers will be the winners," he said.

However, he said measures must be taken to ensure sufficient supplies of the items to ensure competitive market prices.

"Some places, usually densely populated urban areas with high demand, experience a shortage of eggs in isolated cases," he said.

He added that enforcement is crucial to ensuring the prices of goods are not raised arbitrarily.

Expect short-term volatility after removal of price cap

PETALING JAYA: There will be short-term volatility in chicken and egg prices following the lifting of the ceiling prices for the two items, say economists.

Tunku Abdul Rahman University of Management & Technology Asst Prof Dr Foo Lee Peng predicted that prices of chicken and eggs to rise slightly when subsidies were discontinued later.

"Subsidies are typically implemented to keep prices lower for consumers.

"When it is removed, prices tend to increase," she said.

Foo urged the government to carefully choose a timing to lift the subsidies so that disruptions would be minimised.

"This will help ensure consumers, especially those in vulnerable situations, have time to adjust to the new price levels.

"An ideal time could be during relative price stability and when other economic conditions are favourable," she said.

However, she noted that there

was no one-size-fits-all solution, and the timing of implementation would depend on the country's specific circumstances.

Malaysia University of Science and Technology (MUST) economics professor Dr Geoffrey Williams said the removal of price controls on chicken and eggs might cause short-term volatility in prices, but this should ease quickly, and eventually, prices should fall to the best market price.

"The price controls on chicken and eggs, although they worked to keep prices to consumers lower, it also cut suppliers' income and profit margins.

"Supply has gradually improved, and the market prices have stabilised and become more affordable.

"So now the price controls can be removed.

"There may be some fluctuations in prices, but hopefully these will be temporary, and prices will stabilise quickly," he said when contacted yesterday.

He noted that enforcement would not be an issue when the price controls were lifted as "there will be nothing to enforce".

"It will be for suppliers, retailers and consumers to regulate price hikes.

"In particular, retailers will source the best-price suppliers, and consumers will buy from the best-price retailers," he said.

Williams noted that there would be little incentive for hoarding when subsidies were unavailable.

"If the market is competitive at wholesale, retail and consumer levels, then the market mechanism will defeat hoarding.

"The issue is to remove anti-competitive behaviour among sellers," he said.

He said the best time to lift the price control mechanism was now because inflation had moderated much and would normalise further.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia

(FLFAM) president Tan Chee Hee said the move to lift the ceiling prices was apt in light of the stable supply of the two food items.

He said the initial easing period might see some price fluctuations, but expected market forces to quickly stabilise prices owing to sufficient chickens and eggs for consumption.

"There may be slight price fluctuations in the beginning, but consumers need to understand that prices of raw materials have gone up.

"When supply is enough to meet demand, prices will likely remain stable without much fluctuations," he said.

The federation has been pushing for the floating prices of eggs and chicken due to financial constraints following the sharp price increase in chicken feed and other operating costs during and after the pandemic.

Tan said allowing the market float would let farmers protect their production and prepare suf-

ficient cash flow for their daily operations.

"The price control mechanism was introduced due to inflation and bouts of global economic challenges in the past few years.

"Following years of the soft-landing measures, the time has come for the pricing to return to the normal practice.

"A ceiling price helps when there's a food supply problem.

"But things are normal now, and it's better to let the market decide the demand, supply and prices."

Tan said the federation now would focus on ensuring sufficient supplies of the items in the market.

He called on consumers to be patient and to expect initial teething problems to arise when the price floating mechanism was lifted.

"Despite all challenges, it is a blessing that we can still enjoy fresh chicken and eggs at reasonable prices, which is ranked one of the top in the world," he said.

Headline	Poor harvests and smuggling lead to shortages	Color	Full Color
MediaTitle	China Press	Circulation	127,822
Date	16 Oct 2023	Readership	383,466
Section	Nation	ArticleSize	588 cm ²
Page No	A3	AdValue	RM 11,599
Language	Chinese	PR Value	RM 34,797
Journalist	N/A		
Frequency	Daily		



米糖食油雞蛋
難買到



獨家報導 葉原益

(吉隆坡15日訊)你是否也買不到便宜的白米、白糖、食用油、雞蛋等？受到氣候變化、收成欠佳、利潤微薄、走私猖狂等多個因素影響，許多價格受統制的日常食品，包括本地白米、1公斤裝補貼食用油、統制白糖、雞蛋等，都面臨不同程度短缺。

不少民眾申訴，難以在超商購買價格便宜、受政府統制日常食品，兩大馬雜貨商總會會長方志民也坦言，這些統制品都面臨不同程度的短缺。

不過，他在接受《中國報》訪問時也強調，並不是完全買不到，超商還是會不時收到貨源，只不過貨源不如以往多，因而出現難以購買情況。

“不過，不至於到‘慌’的情況。

他解釋，這也是基於種種的因素。

無利可圖選擇減產

他以雞蛋為例，由於價格受到政府統制，但農場早面對人手不足、飼料漲價、生產成本攀高等，在無利可圖的情況下，自然就選擇減產，進而導致行統制短缺。

不過，他相信，在政府取消統制價格後，雞蛋的供應將會逐步恢復。

“但是，也需要時間讓供應恢復，我預計第二季度會完全好轉。”

首相拿督斯里安華在2024年財政預算案中宣布，將會取消雞蛋、肉雞的頂價，讓價格隨市場需求自由波動，唯細節將由農業及食品安全部公布。

另一方面，對於本地白米和補貼白糖短缺，方志民則解釋，這主要是受到氣候變化的影響，導致稻米、甘蔗收成欠佳；而政府設立價格統制機制，限制開辦小商家的盈利幅度，也造成一定的影響。

“其實，白米、白糖都有供應的，只不過是買不到便宜的補貼白糖和本地白米，但進口白米、精緻白糖，也都是有貨的。”

甘蔗歉收白糖成本飆高

方志民以白糖為例，由於甘蔗歉收，甘蔗的價格自然上漲，白糖的生產成本隨之飆高。

“不過，統制白糖的售價卻不能調整。”

他對此笑言，如果今天向工廠採購價格不受統制的精緻白糖，要多少貨，有多少貨；但如果想要採購多一些統制白糖，卻會告知貨源有限。

明眼人自然了解當

中的緣故。

白米方面，由於收成欠佳，市面的貨源本來就有限；方志民說，如今碎米也一樣短缺，一些米粉、果麥生產商，則會搶購每公升2令吉80仙的本地白米，這也進一步加劇本地白米的短缺。

他認為，氣候變化已經是必不可免的事情，幾乎每一年都在惡化，政府有必要透過長遠方案，增加本地白米的產量，否則短缺問題只會重覆覆轍。

補貼食用油走私嚴重

陣執政時期，當時補貼食用油產量頂限為每月3萬公噸，那時候已經是應付國內3200萬人口的需求，如今的產量頂限為每月6萬公噸，多了一倍，卻喊短缺？

“問題出在哪裡？相信大家都知道。”

他也提及，很多時候都是沿海地區面臨短缺，而不少人都曾在印尼、泰國看到這些受政府補貼的1公斤裝包裝食用油。

談到1公斤裝補貼食用油，走私的嚴重性人盡皆知。在國

方志民

禽總：蛋荒或因有人走私



黃俊儀

大馬禽畜業聯合總會（禽總）強調，每月的雞蛋產量都是經過計算，確保能應付國內的需求的，至於為何還會鬧“蛋荒”或是面對短缺，尤其多數在北部靠近邊境地區，大家心里應該有數。

禽總顧問黃俊儀僅接受《中國報》訪問時不排除，由於本地雞蛋售價為一粒35仙，相比鄰國泰國的價格則是一粒65仙，這些便宜雞蛋很可能走私到鄰國，而導致本地面對雞蛋短缺的問題。

黃俊儀是受向邁丁（Mydin）董事經理拿督阿末爾阿里邁丁預測，基於雞蛋持續出現短缺，相信政府取消雞蛋頂價後，目前售價45仙的A級蛋，會漲價至少10仙一事，如是回應。

他認為，雞蛋短缺的問題并非出自農場，因為每月的雞蛋產量都是經過計算的，是足夠應付市場需求的。

另一方面，對於政府計劃取消雞蛋和肉雞的頂價，黃俊儀說，將在明天（週一）與政府部門會面，屆時相信可以知曉更詳情的消息，目前暫時先不回應。